

Muzium sungai lembing

sungai lembing museum



Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel. : 03 - 2267 1088 / 1048 / 1049 / 6255 Faks : 03 - 2287 1271

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya
Please return this leaflet if you have no further use

PETA LOKASI

Location Map



PENGANGKUTAN

GETTING HERE

Pengangkutan seperti taxi dan bas boleh didapati di Bandar Kuantan.

Taxis and buses are available, from Kuantan town.

Tarikan Berhampiran

NEARBY ATTRACTION

- Tapak bekas lombong di sekitar Sungai Lembing
- Bukit Panorama
- Air Terjun Pelangi
- Jambatan Gantung
- Former mining sites around Sungai Lembing
- Panorama Hill
- Pelangi Waterfall
- Suspension Bridge

ALAT PEMADAM API

Alat pemadam api yang berusia lebih 50 tahun ini digunakan apabila berlaku kebakaran di kawasan kilang, bengkel, bahagian elektrik, gudang dan sekitarnya. Alat ini dibawa dengan menggunakan kenderaan. Pemadam api tersebut adalah daripada jenis debu kering.

FIRE EXTINGUISHER

More than 50 years old, this fire extinguisher was used in the event of fire in the factory, garage, electrical parts and its surrounding areas. This equipment was carried by a vehicle. The fire extinguisher was of the dry powder type.

HARI DAN MASA LAWATAN

VISITING HOURS

9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari.
Ditutup pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

9am to 5pm daily.

Closed for first day of Eid al-Fitr and Eid ul-Adha.

ALAMAT

ADDRESS

Muzium Sungai Lembing,
Jabatan Muzium Malaysia,
26200 Sungai Lembing,
Kuantan, Pahang.

Tel.: 09 - 541 2378
Faks : 09 - 541 2377

KATEGORI / CATEGORY	HARGA TIKET / TICKET PRICE
Dewasa/Kanak-kanak 12 tahun ke atas (warganegara / MyCard)	RM2.00
Adult/Children 12 years old and above (Local citizens / MyCard)	
Dewasa (warga asing) Adult (Foreign Tourists)	RM5.00
Kanak-kanak (warga asing 6-12 tahun) Children (6-12 years old) (Foreigner)	RM2.00
Pelajar beruniform Local students (in uniform)	PERCUMA/FREE
Warga Emas dan OKU (MyCard/Kad Pesara) Senior Citizens and Disabled Person (with MyCard/Retirement Card)	RM1.00
Ahli International Council of Museums (ICOM) Member of International Council of Museums (ICOM)	PERCUMA/FREE

1 PENGENALAN INTRODUCTION

Muzium Sungai Lembing berperanan menyebarkan maklumat dan mempamerkan bukti - bukti sejarah perlombongan bijih timah di Sungai Lembing. Dikenali sebagai lombong bawah tanah terbesar di dunia, Sungai Lembing juga merupakan bandar terkaya dan pengeluar utama bijih timah di Pahang.

Bangunan muzium ini pernah digunakan sebagai tempat kediaman pengurus-pengurus besar syarikat perlombongan bijih timah di Sungai Lembing. Ia mempunyai struktur binaan mengikut gaya vernakular-kolonial yang dahulunya dikenali sebagai The European Bungalow 1 (EB1), berbeza dengan kediaman pegawai kanan British. Muzium ini telah dirasmikan pembukaannya pada 23 April 2005.

The Sungai Lembing Museum serves to disseminate information and to display evidence of the celebrated history of tin mining in Sg. Lembing. Known as the world's largest subterranean mine, Sungai Lembing was also the richest town and the major producer of tin ore in Pahang.

The museum building was formerly used as a residence for the managers of the various tin mining companies in Sungai Lembing. This building, designed in the vernacular-colonial style of architecture, is known as the European Bungalow 1 (EB1) to differentiate it from the residence of other senior British officers. This museum was officially opened on April 23, 2005.

3 GALERI GALLERY

Bangunan muzium ini terdiri daripada dua aras iaitu aras bawah dan aras atas yang merangkumi sebelas galeri. Galeri aras bawah terbahagi kepada empat segmen iaitu Galeri 1 – Pengenalan dan Sejarah Sungai Lembing, Galeri 2 – Proses Perlombongan dan Keselamatan, Galeri 3 – Diorama Perlombongan dan Galeri 4 – Jentera dan Peralatan Elektrik. Ruang ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan proses perlombongan bijih timah di bawah tanah sehingga ke peringkat pemasaran keluar bijih. Ia turut menyentuh tentang peranan dan sumbangan syarikat PCCL dalam pembangunan Pekan Sungai Lembing.

Manakala galeri aras atas pula terdiri daripada tujuh segmen iaitu Galeri 5 – Sejarah Perlombongan, Galeri 6 – Geologi dan Geomorfologi, Galeri 7 – Arked Perlombongan, Galeri 8 – Memori Perlombongan, Galeri 9 – Peralatan dan Pakaian, Galeri 10 – Kaedah Perlombongan dan Galeri 11 – Ekonomi Perlombongan. Galeri ini memperagakan maklumat menyeluruh tentang sejarah, kaedah perlombongan serta kehidupan, peralatan dan kelengkapan pelombongan.



2 KOLEKSI COLLECTION

Muzium Sungai Lembing memperagakan koleksi peralatan asal perlombongan yang pernah digunakan untuk melombong bijih timah bawah tanah di Sungai Lembing. Antara koleksi menarik termasuklah pelbagai jenis acuan kayu yang digunakan untuk membuat alat-alat ganti bagi kegunaan mesin-mesin yang beroperasi di kawasan kilang. Terdapat juga roda kiew dan winch yang merupakan sebahagian peralatan untuk menaikkan atau menurunkan pekerja, barang-barang, kayu atau besi di kolong serta untuk kerja-kerja menarik bijih.

The Sungai Lembing Museum showcases a collection of the original mining equipment used for subterranean tin mining in Sungai Lembing. These include the wooden moulds, used for making spare parts of the machines that operated in the factories. There are also a kiew wheel and winch, component parts of lift used to raise or lower the mining workers, goods, wood, or iron in the tunnel as well as for hauling the ore. The mini mox vehicle used to transport the General Manager to the mine or factory is also on display.



There are two level in this museum, the Ground Floor and the 1st Floor that consists eleven Galleries. The Ground Floor consists four galleries namely Gallery 1 – Introduction and History of Sungai Lembing; Gallery 2 – The Mining Process and Safety; Gallery 3 – Mining Diorama; and Gallery 4 – Machinery and Electrical Equipments. This area displays the activities and processes of tin mining in the underground up to the marketing stage out of ore. It also touched about the role and PCCL company contribution in the development of Sungai Lembing.

The 1st Floor consists 7 galleries namely Gallery 5 – Mining History; Gallery 6 – Geology and Geomorphology; Gallery 7 – Mining Arcade; Gallery 8 – Mining Memoir; Gallery 9 – Equipments and Clothings; Gallery 10 – Mining Method; and Gallery 11 – Mining Economy. The galleries show all the information about the history, methods of mining and their lifestyle and the equipments used for mining.